

# Penuntut di UK terjejas

Ekoran perbezaan ketara kadar tukaran ringgit berbanding pound sterling

**KUALA LUMPUR** - Ketika negara mencatat penyusutan nilai ringgit berbanding dolar AS, jangan kita lupakan rakyat Malaysia yang belajar di United Kingdom, yang kini teruk terjejas ekoran perbezaan ketara kadar tukaran berbanding pound sterling.

Apabila ringgit susut kepada 6.08 pada Jumaat, jauh berbeza daripada 4.55 pada Mei 2013, penuntut persendirian paling teruk terjejas dan menghadapi tekanan kewangan bagi menjelaskan yuran pengajian serta kos sara hidup berbanding penuntut tajaan.

Penuntut Sarjana Sains Bioteknologi di Northumbria University, Sharon Joseph berkata, bagi dua pound yang bersamaan kira-kira RM10, beliau boleh membeli satu liter susu, roti dan setengah dozen telur, namun kini untuk makanan

yang sama beliau perlu menambah RM2.20.

"Mungkin perbezaannya tidak ketara, namun apabila membuat pembayaran besar seperti yuran pengajian atau penginapan, perbezaannya sangat besar," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan tukaran mata wang semasa, keluarganya perlu menambah RM1,000 hanya untuk yuran pengajian.

Menurut data 2014 Kementerian Pengajian Tinggi 2014, terdapat seramai 15,700 penuntut Malaysia melanjutkan pengajian tinggi di United Kingdom berbanding 15,500 pada 2013, menjadikan penuntut asing paling ramai belajar di United Kingdom.

Penuntut Sarjana Sains Pengurusan Perniagaan Antarabangsa di University of Sheffield, Ahmad Izzuddin

Zam Ariffin pula berkata, kehidupannya lebih sukar sejak penyusutan mata wang.

"Saya terpaksa bekerja separuh masa, empat jam sehari sebagai penjaga bangunan universiti dari Isnin hingga Jumaat untuk duit poket, dan pada masa sama perlu menjaga kesihatan bagi menumpukan kepada pengajian dan aktiviti sosial harian lain," katanya.

Penuntut berusia 24 tahun yang tiba di United Kingdom 10 bulan lepas juga berjinat-cermat dalam perbelanjaan.

"Kami berharap ringgit akan meningkat semula segera kerana jika tidak ia akan beban kan ibu bapa kami," katanya.

Bagi Ismail Amsyar, situasi ini masih mampu diharunginya memandangkan pengajiannya di University of Sheffield ditaja oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Cabaran terbesar penuntut Sarjana Kewartawanan Global itu ialah memperoleh pekerjaan apabila pulang ke Malaysia berdasarkan latar belakang ekonomi yang mencabar ini.

Pound dijangka terus kukuh untuk tempoh tiga hingga enam bulan akan datang, diperkukuh oleh langkah pengetatan yang dilaksanakan oleh Bank of England (BOE), kata ahli ekonomi Standard Chartered Bank, Jeff Ng.

"Kami menjangkakan BOE akan menaikkan kadar dasarnya pada akhir tahun. Pertumbuhan dan daya tahan ekonomi United Kingdom juga menyokong pound," katanya.

Selain pound, ringgit juga rendah berbanding dolar AS dan mata wang yang lain, menjadikannya antara mata wang berprestasi paling buruk di Asia tahun ini. - Bernama